

Headline	Nilai tambah warga emas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	7	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	Zamzurina Ahmad	AdValue	RM 14,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,936



Nilai tambah

WARGA EMAS

Warga emas yang masih sihat dan berkeupayaan mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH)

Oleh **ZAMZURINA AHMAD**

zamzurina.ahmad@utusan.com.my

JASA dan pengorbanan golongan warga emas kepada pembangunan dan kestabilan negara sememangnya tidak terhitung.

Tidak cukup dengan itu, mereka terus menabur bakti dan sanggup berkongsi segala kepakaran dan pengalaman walau pun diri dimamah usia.

Selagi kudrat yang ada, kesihatan yang masih berbaki, mereka terus membuktikan keupayaan luar biasa agar menjadi contoh terbaik kepada masyarakat.

Maka, wajarlah saranan kerajaan agar warga emas yang masih sihat dan berkeupayaan mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) di institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta untuk mereka terus kekal aktif dan produktif.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Rohani Abdul Karim**, program yang dilaksanakan itu selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas sebagai persediaan kerajaan menghadapi negara tua menjelang 2030.

"Kita menggalakkan warga emas mengikuti PPSH agar dapat memberi nilai tambah kepada mereka. Program ini bertujuan membuka peluang kepada warga emas menimba ilmu dalam pelbagai bidang seperti akademik, kebudayaan, keagamaan dan kemahiran.

"Pada tahun lalu terdapat seramai 67 warga emas yang berjaya memperoleh ijazah masing-masing melalui program pembelajaran sepanjang hayat dan kerajaan menasarkannya seramai 250 warga emas mengikuti program ini setiap tahun," katanya pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Pada majlis sambutan yang dirasmikan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, seramai enam warga emas menerima sijil penghargaan kerana cemerlang dalam bidang masing-masing selepas mengikuti PPSH.

Mereka yang menerima penghargaan bagi kategori akademik ialah **Musa Jaafar**, 81, yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia (USM); **M. Kuppusamy**, 67, (Sarjana Muda Sastera (Kepujian) USM) dan **Koh Kwang Meng**, 73, Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Terbuka Malaysia.

Bagi kategori kesenian dan kebudayaan pula dianugerahkan kepada **Datuk Abdul Halim Salleh**, 76, aktif dalam penulisan; **Awang Bujang Awang Hamdan**, 68, aktif pengarah drama kebangsaan dan pentas dan **S. Radha**, 74, aktif dalam tarian India.

Sementara itu, seorang penerima, **Musa** yang merupakan datuk kepada 40 cucu berkata, usia yang lanjut bukan halangan kepada dirinya untuk meneruskan pengajian.

Katanya, semasa mudanya dia tidak berkesempatan untuk melanjutkan pelajaran berikutan kekangan kewangan.

"Ramai yang kata susah untuk menerima ilmu apabila usia semakin lanjut tetapi saya berazam untuk membuktikan bahawa usia bukan penghalang untuk berjaya.

"Saya lulus dengan cemerlang walaupun bersaing dengan rakan sekuliah yang kebanyakannya remaja dan sebaya dengan cucu saya," kata bekas Pengurus Felda ini.

Musa dipilih berikutan kegigihannya ketika menyertai PPSH sehingga berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan USM pada usia 79 tahun.

Beliau berkata, golongan tua wajar berbangga apabila dapat bersaing dengan mereka yang lebih muda dalam akademik.

"Kehebatan seseorang diukur melalui ketinggian ilmu yang dimiliki. Selepas bersara sebagai pengurus felda 26 tahun lalu, saya berazam menimba ilmu ke peringkat lebih tinggi," katanya yang

mendapat ijazah kelas pertama.

Sementara itu, **Kwang Meng**, dari Alor Akar, Kuantan pula berkata, kepentingan ilmu melebihi segalanya kerana menjadi pedoman dalam membentuk keperibadian insan.

"Saya memperoleh Ijazah Pendidikan OUM pada tahun lalu dan tahun ini dianugerahkan sijil penghargaan.

"Saya menyifatkan sebagai kejayaan berganda apabila keringat serta pengorbanan selama ini dihargai," kata bapa kepada tiga anak yang menjadi guru hampir 20 tahun.

Bagi **Radha** anak kelahiran Selangor, dia tidak menyangka minatnya dalam seni tari dan berkecimpung dalam tarian India klasik selama 53 tahun mendapat perhatian umum.

"Saya sememangnya aktif dalam tarian India klasik tetapi tidak menyangka akan diberikan penghargaan seperti ini.

"Saya amat terharu dan berterima kasih kerana masih mendapat tempat di kalangan masyarakat di usia emas ini," katanya yang pernah membuat persembahan di India, Brunei, Jepun, Australia, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Radha yang merupakan guru tari di Akademi Seni Kebangsaan (Aswara) fasih dalam bahasa Inggeris, Melayu, Malayalam dan Tamil.

Kehebatan seseorang diukur melalui ketinggian ilmu yang dimiliki. Selepas bersara sebagai Pengurus Felda 26 tahun lalu, saya berazam menimba ilmu ke peringkat lebih tinggi

Headline	Nilai tambah warga emas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	7	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	Zamzurina Ahmad	AdValue	RM 14,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,936



PENASIHAT Teknikal Jabatan Penglibatan Strategik (u-Pustaka), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Prof. Madya Indahsah Sidek (kanan) menerangkan sesuatu mengenai u-Pustaka kepada beberapa warga emas.



SEORANG warga emas, Rokiah Mohamad, menunjukkan kebolehan mengubah bunga pada pameran sempena Majlis Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2013.

Headline	Nilai tambah warga emas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	7	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	Zamzurina Ahmad	AdValue	RM 14,645
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,936



PENERIMA sijil penghargaan dari kiri, Musa Jaafar, M. Kuppusamy, Awang Bujang, S. Radha, Koh Kwang Meng dan Abdul Halim Salleh bergambar pada Majlis Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2013 di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.